

BAB 6- SISTEM DAN STRUKTUR PEMERINTAHAN (BADAN EKSEKUTIF)

Perdana Menteri	
Syarat kelayakkan sebagai Perdana Menteri	1. Mestilah seorang anggota Dewan Rakyat 2. Mestilah mendapat sokongan majoriti dari kalangan ahli Dewan Rakyat 3. Memperolehi kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang.
Hilang Kelayakan sebagai Perdana Menteri	Jika PM tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah: 1. Meletak Jawatannya <i>atau</i> 2. Memohon kepada YDPA untuk membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihanraya baru di jalankan.
Tugas seorang Perdana Menteri	1. Menjadi penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. 2. Menamakan senarai menteri kabinet untuk dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong 3. Menyelaraskan dan membuat keputusan tentang semua dasar kerajaan 4. Menjadi jurucakap dalam hal ehwal antarabangsa dan dalam negara
Kabinet/ Jemaah Menteri/ Menteri	
Kabinet/Jemaah Menteri/ Menteri (ada 25 menteri kabinet yang memegang portfolio masing-masing)	• YDPA melantik Jemaah menteri atas nasihat Perdana Menteri. • Dipilih dari kalangan <i>Ahli Dewan Rakyat</i> atau ahli <i>Dewan Negara</i>. • Memegang jawatan selama diperkenankan oleh YDPA tetapi boleh meletakkan jawatannya bila-bila masa. • Menjalankan tugas eksekutif. • Merupakan badan tertinggi untuk membentuk dasar kerajaan Malaysia • Kabinet memberi arahan yang dilaksanakan oleh jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan • Kabinet bertanggungjawab secara kolektif kepada parlimen, jika PM dapat undi tidak percaya ahli Dewan Rakyat, seluruh jemaah menteri turut meletak jawatan. • Parti yang mendapat undi majoriti Dewan Rakyat akan membentuk barisan kabinet. • Saraan ditentukan oleh Parlimen dari peruntukan <i>Kumpulan Wang yang Disatukan Persekutuan</i>.
Tugas Jemaah Menteri	▪ Memberi nasihat kepada Yang diPertuan Agong dalam pelaksanaan tugas-tugasnya. ▪ Menggubal dasar-dasar Kerajaan Persekutuan samada dasar dalam negara dan luar negara. ▪ Memberi arahan pelaksanaan dasar untuk dilaksanakan samada diperingkat kementerian, jabatan dan peringkat kerajaan negeri. ▪ Membentuk Jawatankuasa Kabinet seperti Jawatankuasa Kabinet Bencana Alam, Jawatan kuasa Kabinet Pelaburan Asing dan Jawatankuasa Kabinet Perpaduan
Tanggungjawab kolektif anggota kabinet	1. Bertanggungjawab secara bersama/ kolektif ke atas Parlimen 2. Secara bersama mempertahankan setiap keputusan kabinet yang diputuskan secara majoriti.
Situasi yang menyebabkan seseorang anggota kabinet hilang jawatannya . Hilang Kelayakan anggota kabinet.	1. Tidak dinamakan semula oleh Perdana Menteri dalam pembentukan kabinet baru 2. Digugurkan oleh Perdana Menteri. 3. Tidak menghadiri persidangan Dewan selama enam bulan berturut-turut tanpa keizinan. 4. Diisytiharkan bangkrap / muflis oleh Mahkamah 5. Disahkan tidak siuman 6. Memperoleh kewarganegaraan negara lain 7. Tidak menghantar penyata perbelanjaan pilihan raya yang ditandingi. 8. Telah dihukum penjara melebihi setahun tanpa pengampunan. 9. Telah didenda melebihi RM2,000 10. Telah tamat tempoh sebagai seorang ahli Dewan Negara dan tidak disambung semula.

Timbalan Perdana Menteri.	- Tugas- pembantu Perdana Menteri. - Dilantik oleh Perdana Menteri. - Jawatan Timbalan PM bukanlah sesuatu yang wajib kerana tidak diperuntukan didalam Perlembagaan.
Timbalan Menteri	- Dipilih daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen (Dewan Rakyat atau Dewan Negara). - Tugas- Membantu menteri-menteri dalam menjalankan tugas. - Saraan ditentukan oleh Parlimen dari peruntukan <i>Kumpulan Wang yang Disatukan Persekutuan</i>.
Setiausaha Parlimen	- Dilantik oleh Perdana Menteri. - Dipilih daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen (Dewan Rakyat atau Dewan Negara). - Tugas- Membantu Menteri-Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Saraan ditentukan oleh Parlimen dari peruntukan <i>Kumpulan Wang yang Disatukan Persekutuan</i>.
Setiausaha Politik	- Dilantik oleh Perdana Menteri. - Saraan ditentukan oleh Jemaah Menteri. - Tugas juga ditentukan oleh Jemaah Menteri.
Ketua Setiausaha Negara	
Tanggungjawab Ketua Setiausaha Negara	- Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Setiausaha Jemaah Menteri Ketua Perkhidmatan Awam Penasihat utama kerajaan tentang pentadbiran Persekutuan/ menasihati Perdana Menteri dalam hal-hal pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Tugas Ketua Setiausaha Negara	Penasihat utama kerajaan tentang pentadbiran Persekutuan. - Menjadi Setiausaha dalam Mesyuarat Kabinet. - Menjadi Setiausaha Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri. Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara. Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Pengerusi Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) Lembaga Pengarah, Institut Integriti Malaysia (IIM)
Majlis	
	Majlis ditubuhkan sebagai Badan Penyelaras antara <u>Kementerian dengan Kementerian</u> atau pun <u>Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri</u>.
Majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan . (STPM 2015)	- Majlis Raja-Raja - Majlis Tanah Negara - Majlis Kewangan Negara - Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan - Majlis Angkatan Tentera
Majlis yang ditubuhkan oleh Kabinet/ Kerajaan.	- Majlis Tindakan Negara - Majlis Keselamatan Negara - Majlis Ekonomi Negara. - Majlis Tindakan Ekonomi.
Suruhanjaya	
	- Sebuah agensi bebas agar tugas dijalankan adil dan saksama. - Ahli Suruhanjaya di lantik oleh YDPA. - Saraan ditentukan oleh Parlimen dari peruntukan <i>Kumpulan Wang yang Disatukan Persekutuan</i>
Syarat perkhidmatan anggota Suruhanjaya	- Dilantik bagi tempoh lima tahun. - Boleh dilantik semula dari semasa ke semasa. - Boleh bila-bila masa meletak jawatan. - Tidak boleh dipecat kecuali atas alasan dan perlu melalui Tribunal.

Jenis suruhanjaya perkhidmatan	1. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 2. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang 3. Suruhanjaya Pasukan Polis 4. Majlis Angkatan Tentera 5. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
Negeri yang tidak mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awamnya sendiri	1. Melaka 2. Pulau Pinang 3. Perlis 4. Negeri Sembilan
Peranan suruhanjaya perkhidmatan awam (STPM 2016)	1. Membuat pelantikan anggota perkhidmatan awam secara tetap, sementara, kontrak, tukar sementara dan pinjaman. Suruhanjaya berkuasa menamatkan perkhidmatan anggota Perkhidmatan Awam mengikut syarat2 pelantikan 2. Mengesahkan jawatan anggota Perkhidmatan Awam dalam perkhidmatan, melanjutkan tempoh percubaan, mengembalikan kakitangan ke jawatan asalnya atau menamatkan perkhidmatan kerana gagal disahkan dalam jawatan. 3. Menguruskan pemberian taraf berpencen kepada anggota Perkhidmatan Awam tidak termasuk anggota kumpulan sokongan. 4. Menaikkan pangkat kakitangan 5. Melaksanakan kawalan tatatertib 6. Menukar kakitangan
Kementerian-Kementerian	
Penyelarasan pentadbiran antara kerajaan persekutuan dan kerajaan Negeri	1. Melalui mesyuarat 4 majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan iaitu Majlis Raja-raja, Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan 2. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dipengerusi oleh Ketua Setiausaha Negara 3. Melalui Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang dipengerusi oleh Perdana Menteri 4. Melalui Majlis - majlis dan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan
Tugas Kementerian	• Menjalankan tugas eksekutif/ pentadbiran • Merancang dan menggubal dasar-dasar kementerian, mengawal serta menyelaraskan program yang terletak di bawah portfolio menteri • Mengesan dan mengawal pelaksanaan program-program yang dijalankan oleh agensi pelaksana dibawahnya
Setiap Kementerian diketuai oleh:- (ada 25 kementerian yang diketuai oleh 25 menteri mengikut portfolio masing-masing)	• Seorang Menteri – ahli Kabinet • Timbalan Menteri • Setiausaha Politik • Ketua Setiausaha Kementerian- penjawat awam.
Ketua Setiausaha Kementerian	• Ketua Pentadbir Kementerian • Seorang penjawat awam.
Setiausaha Parlimen Kementerian	• Tujuan Jawatan Setiausaha Parlimen diwujudkan dalam sesebuah kementerian adalah bagi mewakili Menteri dalam Persidangan Parlimen. • Dilantik oleh Perdana Menteri. • Dipilih daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen (Dewan Rakyat atau Dewan Negara). • Tugas- Membantu Menteri-Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. • Saraan ditentukan oleh Parlimen dari peruntukan Kumpulan Wang yang Disatukan Persekutuan.
Kementerian Yang mengakaunkan Kewangannya Sendiri	• Kementerian Pendidikan • Kementerian Pertahanan • Kementerian Kesihatan

Ahli Jawatankuasa Penyelarasan	1. Ketua Setiausaha Negara 2. Ketua Setiausaha Kementerian 3. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Penyelarasan Pentadbiran antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri	4. Melalui mesyuarat 4 majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan iaitu Majlis Raja-raja, Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan 5. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dipengerusi oleh Ketua Setiausaha Negara 6. Melalui Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang dipengerusi oleh Perdana Menteri 7. Melalui Majlis - majlis dan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan
Tujuan penubuhan majlis penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	Mengelakkan pencanggahan dan melicinkan pentadbiran negara, menjimatkan masa dan wang serta sentiasa menjalin hubungan erat dan mesra antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.
Penyelarasan pentadbiran antara kementerian melalui:-	1. Mesyuarat Kabinet 2. Mesyuarat Majlis Pembangunan Negara 3. Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara 4. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet 5. Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian 6. Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
Tanggungjawab Agensi Pusat bagi melicinkan pentadbiran negara	7. Membantu menyelaras dan mengawal perjalanan agensi-agensi mengurus/ pelaksana 8. Menggubal dasar dan perancangan ekonomi negara supaya sesuai dengan perkembangan ekonomi negara 9. Membekalkan keperluan asas atau input bagi keperluan kakitangan dan peruntukkan belanjawan 10. Memastikan penyelarasan dan pengawalan supaya input-input kerajaan digunakan dengan cekap dan berkesan
Peranan Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU)	1. Penyelia pelaksana, menilai, kemajuan, pemudah cara penyampaian dan kemajuan program transformasi kerajaan. 2. Pemangkin perubahan dalam penyampaian sektor awam dan swasta 3. Penyokong kementerian dalam proses penyampaian 4. Penyedia pandangan bebas berkaitan dengan prestasi kementerian
Fungsi Perbendaharaan Malaysia	• Menggubal dan melaksanakan dasar fiskal kewangan • Menyediakan belanjawan tahunan • Mendapatkan pinjaman bagi pihak kerajaan • Menguruskan pinjaman perumahan bagi penjawat awam
Peranan Majlis Tanah Negara	• Membentuk dasar yang meliputi seluruh persekutuan bagi menaja penggunaan tanah untuk galian, pertanian dan perhutanan. • Penasihat kerajaan persekutuan tentang hal tanah. • Menyelaraskan pentadbiran kerajaan dan kerajaan negeri tentang hal tanah.
Perbadanan Awam	
Tujuan Perbadanan Awam	1. Supaya kerajaan terlibat <i>secara terus dalam sosioekonomi</i> 2. Supaya kerajaan dapat menceburi dalam <i>bidang yang kurang menguntungkan</i> 3. Supaya kerajaan dapat menceburi <i>bidang yang perlukan modal yang besar</i> 4. Supaya kerajaan dapat menceburi <i>bidang yang tidak mampu diceburi oleh pihak swasta</i> 5. Membolehkan pembangunan sosioekonomi <i>lebih cekap dan berkesan</i> 6. Supaya lebih bebas dalam hal pengurusan 7. Supaya lebih bebas dalam hal kewangan 8. Supaya boleh memiliki harta 9. Supaya boleh mengurus kumpulan wang 10. Supaya boleh menubuhkan anak syarikat

Ciri-Ciri Badan Berkanun	1. Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 2. Penglibatan kerajaan secara terus dalam pembangunan soso-ekonomi. 3. Anggaran belanjawan tahunan disediakan oleh agensi pusat 4. Rancangan Pembangunan 5 tahun disediakan oleh agensi pusat Tambahan: 5. Ketuanya ialah Pengurus Besar yang dilantik oleh YDPA 6. Dikawal oleh Menteri secara terus 7. Dasarnya ditentukan oleh Menteri 8. Jabatan Perkhidmatan Awam mesti dirujuk sebelum mengubah bilangan pekerja. 9. Pegawai Perkhidmatan Awam boleh dipinjamkan. 10. Perbendaharaan mesti dirujuk sebelum mengubah bilangan pekerja
Fungsi Badan Berkanun.	1. Melicinkan pentadbiran 2. Mengurangkan birokrasi 3. Bermotifkan kebajikan 4. Untuk melibatkan diri dalam pembangunan sosioekonomi Negara
Contoh Badan Berkanun.	1. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia(LKIM) 2. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) 3. Lembaga Kemajuan Masyarakat (KEMAS) 4. Institut Piawaian dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM) 5. Majlis Amanah Rakyat (MARA) 6. Perbadanan Kemajuan Bandar (UDA)
Badan Berkanun yang berkaitan dengan luar bandar dan wilayah	1. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) 2. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) 3. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) 4. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan FECRA 5. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) 6. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
Ciri Badan Tidak Berkanun	1. Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2. Belanjawan Tahunan tertakluk di bawah organisasi sendiri dan tidak tertakluk kepada kawalan agensi pusat. 3. Bebas mengambil kakitangan sendiri seperti syarikat swasta Tambahan: 4. Ketuanya ialah Pengurus Besar yang dilantik oleh YDPA 5. Dikawal oleh Menteri secara tidak langsung 6. Ekuiti kerajaan ada dalamnya 7. Dasar-dasar ditentukan oleh Lembaga Pengarah 8. Dasar-dasar dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah
Fungsi Badan Tidak Berkanun	1. Menjalankan kegiatan perniagaan untuk memperoleh keuntungan bagi kerajaan 2. Menceburi bidang yang mahal yang tidak mampu diceburi oleh pihak swasta
Contoh Badan Tidak Berkanun	1. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) 2. Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC) 3. Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) 4. Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia (FIMA) 5. Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
Perbezaan Badan Berkanun dan bukan berkanun	Penubuhan Badan Berkanun ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Negeri. Manakala Badan Bukan Berkanun ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Kegiatan/Aktiviti Badan Berkanun tertakluk kepada pengawalan kerajaan. Manakala Badan Bukan Berkanun mempunyai kebebasan yang lebih kerana tidak tertakluk kepada pengawalan kerajaan Perjawatan Badan Berkanun tertakluk kepada kawalan kerajaan dalam perjawatan tetapi Badan Bukan Berkanun bebas mengadakan Skim Perjawatan Sendiri.

	Kawalan Badan Berkanun dikawal oleh Menteri secara langsung yang menggariskan dasar-dasar penting. Manakala Badan Bukan Berkanun dikawal oleh menteri secara tidak langsung, kerajaan mempunyai ekuiti di dalamnya. Fungsi Badan Berkanun terlibat dalam pembangunan sosioekonomi negara. Badan Bukan Berkanun pula menjalankan kegiatan perniagaan untuk memperoleh keuntungan bagi kerajaan. Belanjawan Badan Berkanun segala perbelanjaan serta perancangannya dikawal oleh pusat manakala Badan Bukan Berkanun dikawal secara tidak langsung (bebas)
Jenis <i>hasil kutipan</i> Kerajaan Persekutuan	1. hasil-hasil cukai : Cukai Langsung dan Cukai Tak Langsung - Cukai secara teruske atas pendapatan dan kekayaan mengikut akta yang diluluskan seperti cukai pendapatan, cukai sewa filem, duti harta pusaka , duti setem - Cukai yang dikenakan secara tidak langsung ke atas individu. Cukai yang dikenakan apabila individu membeli barangan dan perkhidmatan. Contoh duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jalan, cukai perkhidmatan 2. Hasil-hasil bukan cukai - Hasil yang dikutip dari perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat - Rakyat dikenakan bayaran untuk menggunakan perkhidmatan kerajaan. Contohnya, lesen, bayaran pendaftaran dan permit, perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan, perolehan jualan barangan, sewaan , faedah dan perolehan pelaburan, denda dan hukuman 3. Terimaan bukan hasil - Kutipan yang bukan berasaskan mana-mana akta atau perundangan - Punca kutipan : pulangan balik perbelanjaan, terimaan perkhidmatan , bayaran balik, pemberian dan caruman , jualan barangan 4. Hasil Wilayah –Wilayah Persekutuan - Hasil yang diterima oleh kerajaan Persekutuan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
Sumber Hasil Perolehan Kerajaan Persekutuan	- Cukai pendapatan - Duti Eksport/Import - Duti Eksais - Cukai Perkhidmatan - Cukai Jalan - Lesen - Sewaan - Pulangan balik perbelanjaan - Hasil dari wilayah Persekutuan - Cukai Kastam - Duti hiburan

KERAJAAN NEGERI	
SULTAN/ Yang di-Pertua Negeri	
	- Sultan /Raja/ Yang di-Pertuan Besar/ Yang di-Pertua Negeri adalah Ketua Negeri masing-masing. - Gelaran Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar adalah untuk negeri-negeri beraja. - Manakala, Yang di-Pertua Negeri untuk negeri-negeri yang tidak beraja (Melaka, PP, Sabah dan Sarawak)
Kuasa	- Bertindak sebagai Kuasa Eksekutif negeri tetapi dijalankan oleh MMKN - Bertindak berdasarkan nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. - Menjadi Ketua Agama Islam di negeri sendiri (Kecuali negeri tidak beraja) - Merasmikan Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) - Melantik Menteri Besar/Ketua Menteri - Melantik Majistret atas nasihat Menteri Besar/ Ketua Menteri - Melantik Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atas nasihat Menteri Besar/Ketua Menteri. Pengerusi Lembaga Pengampunan Negeri.
Kuasa budibicara Sultan/ Yang di-Pertuan Negeri	- Melantik Menteri Besar/Ketua Menteri yang mendapat sokongan majoriti dari kalangan ahli Dewan Undangan Negeri Bersetuju atau tidak mempersetujui permintaan Menteri Besar/ Ketua Menteri untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri.
Kuasa Sekatan terhadap Sultan	Tidak dibenar terlibat secara aktif dalam perniagaan dan politik Tidak dibenarkan memegang jawatan yang berpendapatan.
Sekatan terhadap Yang di-Pertua Negeri	Tidak boleh mengundi dalam pemilihan Yang di-Pertuan Agong Tidak dibenarkan terlibat secara aktif dalam perniagaan dan politik Tidak dibenarkan memegang jawatan yang berpendapatan.
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) – Semenanjung Malaysia. Kabinet – Sabah Majlis Tertinggi -Sarawak	
Anggota MMKN	- Menteri Besar/Ketua Menteri - Ahli EXCO/Menteri yang dipilih oleh Menteri Besar/Ketua Menteri - Ahli Ex Officio:- - Setiausaha Kerajaan Negeri - Penasihat Undang- Undang Negeri - Pegawai Kewangan Negeri
MMKN/ Kabinet/ Majlis tertinggi	Merupakan organisasi Pembentuk Dasar tertinggi di peringkat negeri.
Menteri Besar/ Ketua Menteri	Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri. - Ketua parti politik yang menang majoriti dalam pilihanraya DUN - Dilantik oleh Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Negeri. Mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
Ahli MMKN	- Dilantik oleh Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Negeri atas nasihat Menteri Besar/Ketua Menteri. - Dipilih dari kalangan parti yang menang dalam pilihanraya DUN - Digelar ahli EXCO (Semenanjung) dan Menteri (Sabah dan Sarawak)
Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)	- Dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan (Melaka,PP, Pahang, Perak, Selangor dan NS). Negeri lain dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri. - Merupakan seorang penjawat awam/ kakitangan kerajaan dan Ketua Perkhidmatan Awam negeri. Penasihat utama kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. - Mengetuai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.


Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (ex-officio) yang tidak dipilih melalui sistem pilihanraya.	1. Setiausaha Kerajaan Negeri 2. Penasihat Undang- Undang Negeri 3. Pegawai Kewangan Negeri • Mereka diatas adalah seorang pegawai kerajaan/ penjawat awam.
Penglibatan pegawai ex-officio dalam Dewan Undangan Negeri	1. Kesemua ahli ex-officio di negeri beraja boleh mengambil bahagian dalam prosiding Dewan Undangan Negeri tetapi tidak boleh mengundi 2. Hanya Pegawai Penasihat Undang-undang negeri sahaja yang boleh mengambil bahagian dalam prosiding tetapi tidak boleh mengundi di Dewan Undangan Negeri di Negeri Melaka dan Pulau Pinang 3. Kesemua pegawai ex-officio tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam prosiding Dewan Undangan Negeri di negeri Sabah dan Sarawak
Peranan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	1. Membuat dasar-dasar Kerajaan Negeri 2. Melaksanakan kuasa eksekutif Kerajaan Negeri 3. Menasihati Raja/Sultan/Yang di-Pertua Negeri dalam memerintah negeri 4. Merangka rang undang-undang dibawah senarai negeri dan Senarai bersama untuk dibentang di Dewan Undangan Negeri.
Bidang Kuasa kerajaan negeri menurut Perlembagaan Persekutuan.	Hukum syarak dan hal ehwal agama islam, tanah, pertanian dan perhutanan, kerajaan tempatan dan perkhidmatan, kerja-kerja negeri dan kerja-kerja air, jentera kerajaan negeri, hari kelepasan negeri, siasatan bagi maksud negeri, penyu dan menangkap ikan.
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (SUK)	
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	1. Merupakan badan Kerajaan Negeri yang paling penting /utama. 2. Diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.
Peranan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.	1. Penasihat kepada Menteri Besar/Ketua Menteri dalam soal pentadbiran. 2. Memastikan agensi negeri melaksanakan dasar kerajaan negeri 3. Menyelaras dasar kerajaan negeri.
Peranan <u>Pejabat Setiausaha Kerajaan Persekutuan</u> di Sabah dan Sarawak	3. Mengurus hal-hal berkaitan pegawai-pegawai perkhidmatan awam di negeri Sabah dan Sarawak 4. Mengeratkan hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan serta memupuk perpaduan 5. Menyelaraskan aktiviti agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah dan Sarawak 6. Mengurus dan menjaga harta benda serta kepentingan kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak
Agensi Pusat Negeri.	1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri 2. Pejabat Kewangan Negeri 3. Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri 4. Unit Perancang Ekonomi Negeri
Agensi Pelaksana Negeri	1. Jabatan Tanah dan Galian 2. Jabatan Daerah dan Tanah.
Jabatan Persekutuan Cawangan Negeri.	Contoh: Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, dan sebagainya.
Perbadanan Awam Negeri	1. Badan Berkanun untuk negeri di tubuhkan di bawah Enakmen Negeri 2. Badan Tidak Berkanun di tubuhkan di bawah Akta Syarikat. 3. Kedua-dua badan boleh menubuhkan anak syarikat.
Suruhanjaya	1. Semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri sendiri. 2. Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Sultan/Yang di-Pertua Negeri.

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	
Fungsi Dewan Undangan Negeri	1. Membahas dasar-dasar Kerajaan Negeri dan hal-hal rakyat 2. Membahas titah ucapan diraja, belanjawan negeri dan rang undang-undang 3. Melulus dan menolak rang undang-undang 4. Meminda undang-undang atau Perlembagaan Negeri
Keistimewaan Dewan Undangan Negeri	1. Apa-apa prosiding dalam Dewan Undangan Negeri tidak boleh dipersoalkan dalam mahkamah 2. Ahli Dewan Undangan Negeri tidak boleh didakwa atas apa-apa yang dikatakannya dan Pengundian dalam persidangan dewan 3. Seseorang tidak boleh didakwa dalam mahkamah tentang apa-apa yang disiarkan dengan atau di bawah kuasa Dewan Undangan Negeri
Komponen Badan Perundangan Negeri	1. Sultan/Raja/ Yang di-Pertuan Besar atau Yang di-Pertua Negeri 2. Dewan Undangan Negeri
Keadaan di mana Kerajaan Persekutuan berhak campurtangan berkaitan dengan senarai negeri	1. Apabila Kerajaan Persekutuan ingin menjalankan apa-apa siasatan, tinjauan dan pengumpulan data terhadap Kerajaan Negeri 2. Apabila Kerajaan Persekutuan ingin menjalankan penyelidikan, memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada Kerajaan Negeri. 3. Apabila Kerajaan Persekutuan ingin memeriksa kegiatan-kegiatan jabatan negeri dengan tujuan membuat laporan tentang kegiatan itu kepada Kerajaan Persekutuan
Kuasa tambahan bagi negeri <u>Sabah dan Sarawak</u>	1. Undang-undang dan adat bumiputera Sabah dan Sarawak 2. Perbadanan dan Pihak berkuasa yang ditubuh oleh Kerajaan Negeri 3. Jabatan Ukur Tanah 4. Kastam Tempatan 5. Pelabuhan 6. Keretapi Sabah
Kuasa tambahan bersama bagi negeri <u>Sabah dan Sarawak</u>	1. Perkapalan 2. Air dan elektrik 3. Wasiat 4. Pencemaran makanan 5. Perkahwinan, nafkah, penjagaan anak dan anak angkat
Jawatankuasa yang menyelaraskan pentadbiran diperingkat negeri untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Negeri	1. Jawatankuasa Tindakan 2. Jawatankuasa Pembangunan 3. Jawatankuasa Keselamatan 4. Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) 5. Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK)
Jenis hasil kutipan Kerajaan Negeri.	1. Pungutan melalui Enakmen oleh Dewan Undangan Negeri 2. Jenis-Jenis Hasil 3. Peruntukan dari Kerajaan Persekutuan.
Sumber Hasil perolehan Kerajaan Negeri	1. Hasil tanah 2. Hasil hutan 3. Hasil sungai 4. Hasil tanah, lombong dan hutan 5. Hasil daripada lesen-lesen perniagaan 6. Duti hiburan 7. Bayaran-bayaran dalam mahkamah rendah
Kriteria oleh kerajaan Persekutuan untuk memberi peruntukan kepada kerajaan negeri	1. Berasaskan bilangan penduduk negeri 2. Berdasarkan panjang jaringan jalan raya negeri 3. Peruntukan Pembangunan Khas

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	
PBT	- Merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. - Kerajaan Tempatan di Malaysia di kawalselia oleh Kerajaan Persekutuan melalui <i>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i> - Kerajaan Negeri melalui <i>Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri</i> yang memegang Porfolio Kerajaan Tempatan.
Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan	Fungsi – Badan penggubal dasar-dasar negara untuk menggalakkan, memaju dan mengawal kerajaan Tempatan.
Kuasa otonomi Kerajaan Tempatan	- Membuat undang-undang kecil - Mengutip cukai taksiran dan sewa - Menubuhkan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan
Tujuan penubuhan Kerajaan Tempatan	Memberi peluang kepada penduduk tempatan mengambil bahagian dalam pengurusan kawasan yang didiami. Oleh itu hubungan antara kerajaan dan rakyat lebih rapat. - Memastikan bahawa keputusan-keputusan yang mengandungi kepentingan rakyat dapat dibuat dengan cepat dan selaras dengan keperluan dan kehendak penduduk tempatan.
Jenis-jenis Kerajaan Tempatan	- Dewan/Majlis Bandaraya (Bandaraya) - Majlis perbandaran (Bandar) - Majlis Daerah (Luar Bandar)
Tugas Kerajaan Tempatan (STPM 2017)	- Membantu kerajaan negeri dalam bidang pentadbiran dan penggubalan undang-undang kecil - Menyediakan kemudahan rekreasi dan perkhidmatan untuk penduduk setempat - Memberikan peluang kepada penduduk setempat untuk mengambil bahagian dalam pengurusan kawasan yang didiami mereka - Memastikan keputusan dibuat dengan cepat dan selaras dengan keperluan penduduk setempat
Tanggungjawab Kerajaan Tempatan	- Memberikan perkhidmatan pembersihan longkang & sampah. - Mengenakan kompaun terhadap penjaja yg membuang sampah merata-rata & pengusaha restoran yg tidak menjaga kebersihan premisnya. - Mengawal, menyewa & mengurus gerai makanan, pasar, pasar malam atau pasar sehari. - Menjaga keindahan kawasan & menyediakan serta menyenggara kemudahan rekreasi seperti kolam renang, gymnasium & taman awam. - Menyediakan tempat utk tanah perkuburan. - Menamakan jalan & lorong di taman perumahan. - Membina lampu trafik, pondok menunggu bas & tempat letak kereta, - Mengutip cukai taksiran harta, cukai pintu, bayaran perkhidmatan & sewa gerai kepunyaan Kerajaan Tempatan. - Mengeluarkan lesen kedai makanan, lesen penjaja, lesen untuk pesta, lesen pusat hiburan, lesen anjing, permit pertunjukan hiburan, sijil Menduduki Bangunan - Mengenakan kompaun terhadap salah laku yg melibatkan papan iklan perniagaan. - Menggubal undang-undang kecil utk sesuatu kawasan & dikuatkuasakan setelah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan. - Menubuhkan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan & mengawal akaun tersebut tetapi belanjawan tahunannya mesti mendapat kelulusan Kerajaan Negeri. - Menyelaras dasar-dasarnya mengikut dasar-dasar Kerajaan Negeri. - Mengikut arahan –arahan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

Situasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu merujuk terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri sebelum sesuatu perkara yang baharu dilaksanakan. (STPM 2013)	PBT perlu merujuk kepada kerajaan negeri apabila hendak mewujudkan perjawatan baharu. - Hal ini kerana perjawatan baharu akan melibatkan peruntukan kewangan. PBT perlu merujuk kepada kerajaan negeri apabila hendak melantik ahli majlis. - Hal ini kerana perjawatan baharu akan melibatkan peruntukan kewangan. PBT perlu merujuk kepada kerajaan negeri apabila hendak melakukan perubahan sempadan. - Hal ini kerana PBT tertakluk kepada kuasa negeri.
Kuasa kerajaan negeri terhadap Kerajaan Tempatan	- Meluluskan anggaran belanjawan. - Meluluskan pinjaman PBT. - Mengesahkan undang-undang kecil. - Melantik ahli Majlis - Mengawal perubahan sempadan.
Situasi Kerajaan Persekutuan melakukan pengawalan terhadap Kerajaan Tempatan	- Apabila Parlimen menggubal dasar atau undang-undang untuk keseragaman contoh Akta Kerajaan Tempatan 1971 - Apabila Kerajaan Persekutuan ingin memberi peruntukan kewangan kepada Kerajaan Tempatan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan
Perbezaan di antara Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah	- Majlis Perbandaran mempunyai bilangan penduduk melebihi 150 000 orang manakala Majlis Daerah mempunyai bilangan penduduk kurang daripada 150 000 orang - Sumber kewangan Majlis Perbandaran adalah melebihi RM20 juta setahun manakala Majlis Daerah kurang daripada RM20 juta setahun
Kriteria yang diambil kira oleh Kerajaan Persekutuan untuk memberi peruntukkan kepada Kerajaan Tempatan	- Bilangan penduduk - Luas kawasan - Jumlah hasil kutipan tahunan
Sumber hasil Kerajaan Tempatan	- Cukai taksiran harta - Bayaran perkhidmatan dan lesen. - kedai kopi, lesen penjaja, lesen anjing dan lesen pusat hiburan - Bayaran permit pertunjukan hiburan - Bayaran sewa bangunan, padang, dewan, khemah - Bayaran pelan bangunan atau rumah - Pinjaman serta Pemberian daripada Kerajaan Negeri - Peruntukan dari Kerajaan Persekutuan
Kriteria oleh kerajaan Persekutuan untuk memberi peruntukan kepada kerajaan Tempatan.	- Luas Kawasan. - Jumlah hasil yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan. - Jumlah penduduk.
Ahli Majlis	Bermastatutin di kawasan kerajaan tempatan, berpengalaman luas dalam kerajaan tempatan. Mewakili profesion tertentu. Mewakili kepentingan kaum tertentu. <u>Tugas ahli majlis:</u> Mewakili penduduk, membantuk dasar dan mengagihkan sumber-sumber tenaga kerajaan tempatan, memerhati dan menyemak kemajuan kerja, meluluskan undang-undang kecil dan membuat perancangan tempatan. Tempoh perkhidmatan ialah 1-3 tahun dan boleh dilantik semula.

b) Penyelarasan Pentadbiran dan Kewangan



Rajah : Penyelarasan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kementerian dan Kerajaan Negeri